

MAJLIS MAKAN BERADAT BERSAMA BRIG JEN DATO' DR ISMAIL BIN MANURI TUDM

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3014-majlis-makan-beradat-sempena-persaraan-mantan-asisten-ketua-staf-tadbir-brig-jen-dato-dr-ismail-bin-manuri-tudm

SERI KEMBANGAN, 9 Feb 18 – Cawang Tadbir telah menganjurkan Majlis Makan Beradat bersama YBhg Brig Jen Dato' Dr. Ismail bin Manuri TUDM bertempat di Palace of the Golden Horses.

Majlis ini diadakan bagi menghargai jasa serta sumbangan bakti yang telah ditaburkan oleh Mantan Asisten Ketua Staf Tadbir tersebut di sepanjang perkhidmatan beliau di dalam TUDM khususnya.

Turut hadir ke majlis makan malam ini adalah Asisten Ketua Staf Tadbir, YBhg Brig Jen Ahmad bin Abd Rahman TUDM, Pegawai-pegawai Cawang Tadbir dan Pegawai Waran dari Ketukangan Tadbir yang berkhidmat di seluruh Malaysia bagi bersama-sama memberi penghormatan kepada beliau yang akan menamatkan perkhidmatannya tidak lama lagi.

Bagi pihak seluruh warga TUDM, kami mengucapkan Selamat Maju Jaya kepada YBhg Brig Jen Dato' Dr. Ismail bin Manuri TUDM seisi keluarga. Jasamu dikenang.





